

132

NO. SOALAN: 454

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]

RUJUKAN : 10702

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini berkenaan dengan permohonan untuk pendaftaran Pakatan Harapan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan pendaftaran Pakatan Harapan masih dalam pertimbangan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) memandangkan siasatan sedang dijalankan terhadap pelbagai aduan yang diterima berhubung salah sebuah parti komponennya iaitu Parti Pribumi Rakyat Bersatu (PPBM). Selain itu, JPPM juga sedang meneliti laporan yang telah dikemukakan PPBM bagi memastikan Perhimpunan Agung yang diadakan pada 30 Disember 2017 dilaksanakan selaras dengan perlembagaan parti tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

SOALAN : 455

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan lokasi-lokasi pemasangan sistem kamera AES (*Automated Enforcement System*) di seluruh Malaysia. Berapakah jumlah saman AES telah dikeluarkan sejak pelaksanaannya dan nyatakan jumlah kompaun yang telah dibayar oleh pesalah-pesalah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Automated Enforcement System* (AES) telah pun dijenamakan semula sebagai *Automated Awareness Safety System* (AwAS) dan akan meneruskan penguatkuasaan kamera sedia ada. Sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 30 lokasi telah dipasang kamera AwAS. Daripada jumlah ini, sebanyak 19 lokasi yang dipasang adalah kamera had laju manakala 11 lagi adalah kamera bagi lampu isyarat.

Senarai lokasi pemasangan kamera AwAS adalah seperti berikut:

Had Laju

1. KM 375.9, Lebuhraya PLUS - Slim River (Arah ke Utara)
2. KM 85.5, Jalan Ipoh - Kuala Lumpur, (Arah ke Kuala Lumpur)
3. KM 204.6, Lebuhraya PLUS - Taiping (Arah ke Utara)
4. KM 6.6, Jalan Kajang/Puchong (SKVE)
5. KM 301.6 Lebuhraya PLUS - Kajang (Arah ke Utara)
6. Jalan Lebu Sentosa, Putrajaya
7. KM 151.4 Lebuhraya PLUS – Pagoh (Arah ke Utara)
8. KM 146.8 Lebuhraya PLUS – Pagoh (Arah ke Selatan)
9. KM 299.9 Lebuhraya PLUS – Kampar (Arah ke Utara)
10. KM 17 Gua Musang – Kuala Krai (Arah Ke Kota Bharu)
11. KM 96.3 Lebuhraya PLUS – Kuala Muda (Arah ke Selatan)
12. KM 256.1 Lebuhraya Pantai Timur 2 (Arah ke Kuala Lumpur)
13. KM 288.6 Lebuhraya Pantai Timur 2 (Arah ke Kuala Terengganu)
14. KM 18 Lebuhraya Guthrie – arah Sungai Buloh (NB)
15. KM 18 Lebuhraya Guthrie – arah Shah Alam (SB)

16. KM 7, Jalan Maharajalela, Teluk Intan(had laju)
17. KM 91, Jalan Ipoh - Butterworth
18. Jalan Persiaran Timur, Putrajaya
19. KM D7.9, Sungai Besi, Kuala Lumpur (Arah ke Selatan)

Lampu Isyarat

1. Jalan Pasir Putih, Ipoh
2. KM 26, Jalan Ipoh - Kuala Kangsar
3. Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur
4. Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
5. KM 36 Jalan Alor Setar-Butterworth / Kuala Muda
6. KM 4 Jalan Setiawan-Lumut/ Manjung (arah Lumut)
7. KM 4 Jalan Setiawan-Lumut/ Manjung (arah Setiawan)
8. KM 116 Ipoh-Kuala Lumpur / Batang Padang-Slim River (arah KL)
9. KM 116 Ipoh-Kuala Lumpur (arah Ipoh)
10. KM 1 Jalan Gurun – Sik / Kuala Muda (arah Gurun)
11. KM 1 Jalan Gurun – Sik / Kuala Muda (arah Sik)

Sejak AwAS mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012 sehingga 31 Januari 2018, sebanyak 3,439,251 saman telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada pesalah-pesalah trafik yang tidak mematuhi had laju dan lampu isyarat merah. Jumlah kutipan kompaun sebanyak RM126,499,425.00 telah diterima sehingga 31 Januari 2018.

SOALAN NO.456

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

SOALAN :

Dato' Takiyuddin Bin Hasssan [Kota Bharu] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

sejauh manakah masalah kesesakan jalan raya dapat diatasi dengan
siapnya perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) terutamanya
Laluan Sungai Buloh-Kajang.

SOALAN NO.456

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada penggunaan purata 130,000 pengguna MRT sehari sejak MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) beroperasi, ini bermakna 130,000 kenderaan atau separuh dari jumlah tersebut tidak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas, sekiranya mengambil kira satu kenderaan membawa 2 orang.

Jumlah pengurangan ini akan bertambah apabila pembinaan projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) telah siap kelak dan dijangka untuk mula beroperasi sepenuhnya pada 2022.

Sekian, terima kasih.